

# Mahathir beri cara patahkan rejim aparteid di Pretoria

HARARE, Rabu — Hanya sekatan ekonomi dan politik yang menyeluruh dan ditujukan kepada sasaran-sasaran paling sensitif akan mematahkan tulang belakang rejim aparteid Afrika Selatan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Tindakan itu, katanya, adalah senjata terakhir menyokong langkah berani negara-negara barisan hadapan yang bersempadan dengan Afrika Selatan.

Malangnya, kata Perdana Menteri dalam ucapan di sidang kemuncak Pergerakan Berkecuali di sini hari ini, sekatan akan hanya berkesan jika negara-negara yang masih berdagang dan berhubung dengan Afrika Selatan berjaya dipujuk menyertai tindakan ini.

"Sekatan separuh hati, terhad dan terpilih tidak akan memberi kesan. Kita perlu mengarahkan rayuan kita kepada Amerika Syarikat, Britain, Republik Persekutuan Jerman (Jerman Barat) dan Jepun," tegas Perdana Menteri.

Negara-negara anggota Pergerakan Berkecuali pula perlulah berdiri teguh di belakang negara-negara barisan hadapan dan memberi apa juga bantuan yang diperlukan bagi menghadapi kemungkinan tindak balas Afrika Selatan.

Tindak balas Afrika Selatan tidak dapat diketepikan. Hakikat bahawa Pretoria, dengan bantuan rakan-rakan asingnya, berusaha sekian lama menggugat kestabilan bahagian selatan Afrika demi mengekalkan kekuasaannya, tidak boleh dipertikaikan lagi, tegas Datuk Seri Dr Mahathir.

tuk matlamat itu," tegas Perdana Menteri.

Katanya negara-negara anggota Pergerakan Berkecuali perlu mengabdikan diri kepada matlamat membantu mewujudkan sebuah negara pelbagai kaum tidak kira warna kulit di Afrika Selatan.

Mengenai Antartika, Perdana Menteri berkata Malaysia berpendapat sistem perjanjian yang ada sekarang tidak memadai, lemah dan tidak selari dengan perkembangan dalam perhubungan antarabangsa.

Sambil mengucapkan terima kasih kepada Pergerakan Berkecuali kerana menyokong kuat rumusan Malaysia itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata Malaysia tetap komited kepada hasrat menjadikan Antartika hak manusia sejagat.

Menyentuh soal dadah, Perdana Menteri berkata Malaysia tidak akan memohon maaf daripada sesiapa kerana mengenakan hukuman mati ke atas pengedar-pengedar dadah.

## Dadah

"Mercka membunuh rakyat kami dan menyebabkan penderitaan yang tidak terkira. Mereka wajar dikenakan hukuman mati, tidak kira warna kulit mereka," tegas Datuk Seri Dr Mahathir.

Serentak itu, Perdana Menteri menggesa semua negara, terutama sekali negara maju, supaya mempertingkatkan usaha membanteras dadah.

Katanya negara-negara perusahaan mempunyai keupayaan yang lebih besar untuk melancarkan peperangan ke atas dadah. Tambahnya kerana kekayaan mere-

"Saya menggesa pergerakan ini menentukan rancangan bertindak yang akan diambil dan dibiayai bersama bagi melengkapkan rakyat kulit hitam Afrika Selatan dalam usaha mewujudkan pemerintahan majoriti di negara itu.

"Marilah kita bersama-sama melatih pentadbir-pentadbir, penguurus-pengurus industri dan ahli profesional un-

kalah penyeludupan dadah menjadi kegiatan yang memberi hasil lumayan.

Dalam hubungan yang sama beliau mengemukakan pengesahan Pergerakan Berkecuali terhadap Persidangan Antarabangsa Mengenai Penyalahgunaan Dadah dan Pengedaran Dadah Bahaya di Geneva yang dijadualkan pada Jun tahun depan.